

**GARIS PANDUAN  
SKIM ZAMALAH PENYELIDIKAN  
(ZAMALAH RESEARCH SCHEME)**

Skim Zamalah diwujudkan untuk membantu pelajar - pelajar cemerlang yang mengikuti pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah dalam pelaksanaan kerja-kerja penyelidikan dan membiayai sebahagian daripada perbelanjaan pengajiannya.

**1.0 PELANTIKAN MENGGUNAKAN DANA YAYASAN CANCELOR**

**1.1 Syarat permohonan**

- a) Permohonan adalah terbuka kepada semua pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah yang mengikuti pengajian secara penyelidikan dan mendaftar sepenuh masa sahaja;
- b) Memperolehi keputusan peperiksaan yang cemerlang di peringkat Sarjana Muda dan/atau Sarjana atau kelayakan lain yang setaraf dengannya;
- c) Mempunyai pengalaman dalam menjalankan penyelidikan dan disokong oleh Penyelia sebelum ini;
- d) Pelajar tidak menerima sebarang bantuan/biasiswa daripada mana-mana majikan atau penaja;
- e) Pelajar tidak menerima sebarang gaji atau elaun atau lain-lain bayaran daripada mana mana institusi;
- f) Pelajar di peringkat Doktor Falsafah mempunyai rekod penerbitan dalam tempoh pengajian sebelumnya;

## **1.2 Elaun dan Yuran Pengajian**

- a) Calon dibayar elaun berdasarkan tahap pengajian iaitu seperti berikut:
  - i. pelajar yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana dibayar RM 2,300 sebulan;
  - ii. pelajar yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Doktor Falsafah dibayar RM3,500 sebulan.
- b) Pengecualian yuran akan dipertimbangkan berdasarkan prestasi pemohon dan disahkan oleh Universiti.

## **1.3 Prosedur permohonan**

### **1.3.1 Permohonan Baru**

- a) Pemohon perlu melengkapkan borang permohonan dengan mengemukakan dokumen sokongan seperti di dalam senarai semak;
- b) Pemohon perlu mendapat pengesahan daripada Dekan/Pengarah Fakulti/Institut;
- c) Pemohon perlu mengemukakan cadangan atau kemajuan penyelidikan dan membuat pembentangan di peringkat Fakulti/Institut/Pusat sebelum mengemukakan permohonan.
- d) Cadangan penyelidikan boleh ditulis dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. Kertas cadangan penyelidikan hendaklah mengambil kira perkara berikut:
  - i. Tajuk Penyelidikan / *Research Title*
  - ii. Ringkasan Eksekutif / *Executive Summary*
  - iii. Penyataan Masalah / *Problem Statement*
  - iv. Objektif Penyelidikan / *Research Objectives*
  - v. Latar Belakang Penyelidikan / *Background of Research*
  - vi. Metodologi Kajian / *Research Methodology*
  - vii. Jangkaan Output / *Expected Output*

viii. Aktiviti Penyelidikan dalam tempoh pengajian / *Research activities for duration of study*

ix. Lampiran Carta Perbatuan / *Milestone Attachment*

- e) Permohonan yang lengkap boleh dimajukan kepada CRIM (Sila rujuk carta alir permohonan seperti di Lampiran 1).

### **1.3.2 Permohonan Pelanjutan**

- a) Untuk tujuan lanjutan tempoh pelantikan Zamalah, pemohon dikehendaki mengisi maklumat dalam borang pelanjutan sekurang-kurangnya sebulan sebelum tamat tempoh lantikan. (Sila rujuk carta alir permohonan seperti di Lampiran 2);
- b) Pemohon perlu mengemukakan senarai penerbitan terindeks dan Laporan Kemajuan yang telah disahkan dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP);
- c) Permohonan perlanjutan ini perlu mendapat sokongan daripada Dekan/Pengarah Fakulti / Institut / Pusat.

### **1.4 Syarat-syarat pelantikan**

- a) Permulaan pelantikan yang baru mendaftar sebagai pelajar Siswazah adalah satu semester dan pelantikan ini boleh dilanjutkan tertakluk kepada prestasi laporan kemajuan calon;
- b) Tempoh maksimum pelantikan bagi pelajar Sarjana adalah 5 semester dan Doktor Falsafah adalah 7 Semester;
- c) Calon dikehendaki menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pengajian dan penyelidikan. Calon tidak dibenarkan melakukan kegiatan-kegiatan lain yang boleh menjejaskan pengajiannya;
- d) Pemberian skim ini boleh ditamatkan dengan satu bulan notis atau dibayar satu bulan elaun sebagai ganti notis tanpa diberi sebarang sebab;

- e) Calon adalah tertakluk kepada Peraturan dan Akta Universiti, Syarat-syarat Perkhidmatan dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa di UKM dari semasa ke semasa;
- f) Penilaian prestasi calon akan diadakan pada setiap semester dan jika calon tidak mencapai KPI maka tawaran tersebut akan ditarik semula;
- g) Calon adalah bertanggungjawab kepada Ketua Jabatan/Ketua Program/ Penyelia dari semasa ke semasa.

### **1.5 Penerimaan Tawaran**

Calon yang menerima tawaran dikehendaki menandatangani Surat Akuan Penerimaan Tawaran Skim Zamalah dan mengembalikan kepada CRIM dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh surat tawaran.

### **1.6 Tarikh Kuat Kuasa**

Garis panduan skim zamalah penyelidikan ini berkuat kuasa mulai 1 September 2014.

## **2.0 PELANTIKAN MENGGUNAKAN DANA UNIVERSITI PENYELIDIKAN (UP)**

### **2.1 Syarat permohonan**

- a) Permohonan adalah terbuka kepada semua pelajar siswazah yang mengikuti pengajian secara penyelidikan dan mendaftar sepenuh masa sahaja;
- b) Memperolehi keputusan peperiksaan yang baik di peringkat Sarjana Muda dan/atau Sarjana atau kelayakan lain yang setaraf dengannya;
- c) Mempunyai pengalaman dalam menjalankan penyelidikan dan disokong oleh Penyelia sebelum ini;
- d) Pelajar tidak menerima sebarang bantuan/biasiswa daripada mana-mana majikan atau penaja;
- e) Pelajar tidak menerima sebarang gaji atau elaun atau lain-lain bayaran daripada mana mana institusi;
- f) Pelajar di peringkat Doktor Falsafah mempunyai rekod penerbitan dalam tempoh pengajian sebelumnya.

### **2.2 Elaun dan Yuran Pengajian**

- a) Calon dibayar elaun berdasarkan tahap pengajian iaitu seperti berikut:
  - i. pelajar yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana dibayar RM 1,800 sebulan;
  - ii. pelajar yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Doktor Falsafah dibayar RM2,000 sebulan.
- b) Pengecualian yuran akan dipertimbangkan berdasarkan prestasi pemohon dan disahkan oleh Universiti.

## 2.3 Prosedur permohonan

### 2.3.1 Permohonan Baru

- a) Pemohon perlu melengkapkan borang permohonan dengan mengemukakan dokumen sokongan. Rujuk senarai semak seperti di dalam borang permohonan;
- b) Pemohon perlu mendapat pengesahan daripada Dekan/Pengarah Fakulti/Institut;
- c) Pemohon perlu mengemukakan cadangan atau kemajuan penyelidikan dan membuat pembentangan di peringkat Fakulti/Institut/Pusat sebelum mengemukakan permohonan.
- d) Cadangan penyelidikan boleh ditulis dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. Kertas cadangan penyelidikan hendaklah mengambil kira perkara berikut:
  - i. Tajuk Penyelidikan / *Research Title*
  - ii. Ringkasan Eksekutif / *Executive Summary*
  - iii. Penyataan Masalah / *Problem Statement*
  - iv. Objektif Penyelidikan / *Research Objectives*
  - v. Latar Belakang Penyelidikan / *Background of Research*
  - vi. Metodologi Kajian / *Research Methodology*
  - vii. Jangkaan Output / *Expected Output*
  - viii. Aktiviti Penyelidikan dalam tempoh pengajian / *Research activities for duration of study*
  - ix. Lampiran Carta Perbatuan / *Milestone Attachment*
- e) Permohonan yang lengkap boleh dimajukan kepada CRIM (Sila rujuk carta alir permohonan seperti di Lampiran 1).

### 2.3.2 Permohonan Pelanjutan

- a) Untuk tujuan lanjutan tempoh pelantikan Zamalah, pemohon dikehendaki mengisi maklumat dalam borang pelanjutan sekurang-kurangnya sebulan sebelum tamat tempoh lantikan. (Sila rujuk carta alir permohonan seperti di Lampiran 2);

- b) Pemohon perlu mengemukakan senarai penerbitan terindeks dan Laporan Kemajuan yang telah disahkan dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP);
- c) Permohonan pelanjutan ini perlu mendapat sokongan daripada Dekan/Pengarah Fakulti / Institut / Pusat.

#### **2.4 Syarat-syarat pelantikan**

- a) Permulaan tempoh pelantikan Zamalah adalah satu semester dan pelantikan ini boleh dilanjutkan tertakluk kepada prestasi laporan kemajuan calon;
- b) Tempoh maksimum pelantikan bagi pelajar Sarjana adalah 5 semester dan Doktor Falsafah adalah 7 Semester;
- c) Calon dikehendaki menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pengajian dan penyelidikan. Calon tidak dibenarkan melakukan kegiatan-kegiatan lain yang boleh menjejaskan pengajiannya;
- d) Pelantikan Zamalah boleh ditamatkan dengan memberi satu bulan notis tanpa diberi sebarang sebab atau dibayar satu bulan elaun sebagai ganti notis;
- e) Calon adalah tertakluk kepada Peraturan dan Akta Universiti, Syarat-syarat Perkhidmatan dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa di UKM dari semasa ke semasa;
- f) Penilaian prestasi calon akan diadakan pada setiap semester dan jika calon tidak mencapai KPI maka tawaran tersebut akan ditarik semula;
- g) Calon adalah bertanggungjawab kepada Ketua Jabatan / Ketua Program / Penyelia dari semasa ke semasa.

## **2.5 Penerimaan Tawaran**

Calon yang menerima tawaran dikehendaki menandatangani Surat Akuan Penerimaan Tawaran Skim Zamalah dan mengembalikan kepada CRIM dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh surat tawaran.

## **2.6 Tarikh Kuat Kuasa**

Garis panduan Skim Zamalah Penyelidikan ini berkuat kuasa mulai 1 September 2014.



### **3.0 PELANTIKAN MENGGUNAKAN PENGURUSAN UNIVERSITI / DASAR SEDIA ADA**

#### **3.1 Syarat permohonan**

- a) Permohonan adalah terbuka kepada semua pelajar siswazah yang mengikuti pengajian secara penyelidikan dan mendaftar sepenuh masa sahaja;
- b) Memperolehi keputusan peperiksaan yang baik di peringkat Sarjana Muda dan/atau Sarjana atau kelayakan lain yang setaraf dengannya;
- c) Mempunyai pengalaman dalam menjalankan penyelidikan dan disokong oleh Penyelia sebelum ini;
- d) Pelajar tidak menerima sebarang bantuan/biasiswa daripada mana-mana majikan atau penaja;
- e) Pelajar tidak menerima sebarang gaji atau elaun atau lain-lain bayaran daripada mana mana institusi;
- f) Pelajar di peringkat Doktor Falsafah mempunyai rekod penerbitan dalam tempoh pengajian sebelumnya.

#### **3.2 Elaun dan Yuran Pengajian**

- a) Calon dibayar elaun berdasarkan tahap pengajian iaitu seperti berikut:
  - iii. pelajar yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana dibayar RM 1,800 sebulan;
  - iv. pelajar yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Doktor Falsafah dibayar RM2,000 sebulan.
- b) Pengecualian yuran akan dipertimbangkan berdasarkan prestasi pemohon dan disahkan oleh Universiti.

### 3.3 Prosedur permohonan

#### 3.3.1 Permohonan Baru

- a) Pemohon perlu melengkapkan borang permohonan dengan mengemukakan dokumen sokongan. Rujuk senarai semak seperti di dalam borang permohonan;
- b) Pemohon perlu mendapat pengesahan daripada Dekan/Pengarah Fakulti/Institut;
- c) Pemohon perlu mengemukakan cadangan atau kemajuan penyelidikan dan membuat pembentangan di peringkat Fakulti/Institut/Pusat sebelum mengemukakan permohonan.
- d) Cadangan penyelidikan boleh ditulis dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. Kertas cadangan penyelidikan hendaklah mengambil kira perkara berikut:
  - i. Tajuk Penyelidikan / *Research Title*
  - ii. Ringkasan Eksekutif / *Executive Summary*
  - iii. Penyataan Masalah / *Problem Statement*
  - iv. Objektif Penyelidikan / *Research Objectives*
  - v. Latar Belakang Penyelidikan / *Background of Research*
  - vi. Metodologi Kajian / *Research Methodology*
  - vii. Jangkaan Output / *Expected Output*
  - viii. Aktiviti Penyelidikan dalam tempoh pengajian / *Research activities for duration of study*
  - ix. Lampiran Carta Perbatuan / *Milestone Attachment*
- e) Permohonan yang lengkap boleh dimajukan kepada CRIM (Sila rujuk carta alir permohonan seperti di Lampiran 1).

#### 3.3.2 Permohonan Pelanjutan

- a) Untuk tujuan lanjutan tempoh pelantikan Zamalah, pemohon dikehendaki mengisi maklumat dalam borang pelanjutan sekurang-kurangnya sebulan sebelum tamat tempoh lantikan. (Sila rujuk carta alir permohonan seperti di Lampiran 2);

- b) Pemohon perlu mengemukakan senarai penerbitan terindeks dan Laporan Kemajuan yang telah disahkan dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP);
- c) Permohonan pelanjutan ini perlu mendapat sokongan daripada Dekan/Pengarah Fakulti / Institut / Pusat.

### **3.4 Syarat-syarat pelantikan**

- a) Permulaan tempoh pelantikan Zamalah adalah satu semester dan pelantikan ini boleh dilanjutkan tertakluk kepada prestasi laporan kemajuan calon;
- b) Tempoh maksimum pelantikan bagi pelajar Sarjana adalah 5 semester dan Doktor Falsafah adalah 7 Semester;
- c) Calon dikehendaki menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pengajian dan penyelidikan. Calon tidak dibenarkan melakukan kegiatan-kegiatan lain yang boleh menjejaskan pengajiannya;
- d) Pelantikan Zamalah boleh ditamatkan dengan memberi satu bulan notis tanpa diberi sebarang sebab atau dibayar satu bulan elaun sebagai ganti notis;
- e) Calon adalah tertakluk kepada Peraturan dan Akta Universiti, Syarat-syarat Perkhidmatan dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa di UKM dari semasa ke semasa;
- f) Penilaian prestasi calon akan diadakan pada setiap semester dan jika calon tidak mencapai KPI maka tawaran tersebut akan ditarik semula;
- g) Calon adalah bertanggungjawab kepada Ketua Jabatan / Ketua Program / Penyelia dari semasa ke semasa.


### **3.5 Penerimaan Tawaran**

Calon yang menerima tawaran dikehendaki menandatangani Surat Akuan Penerimaan Tawaran Skim Zamalah dan mengembalikan kepada CRIM dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh surat tawaran.

### **3.6 Tarikh Kuat Kuasa**

Garis panduan Skim Zamalah Penyelidikan ini berkuat kuasa mulai 1 September 2014.

**CARTA ALIR  
PERMOHONAN  
SKIM ZAMALAH PENYELIDIKAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**



**CARTA ALIR  
PELANJUTAN  
SKIM ZAMALAH PENYELIDIKAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

